

# Tidak timbul Anwar sertai semula UMNO - Presiden

KUALA LUMPUR 16 Nov.-Perdana Menteri, Datuk Seri Abdullah Ahmad Badawi menjelaskan bahawa isu bekas Timbalan Perdana Menteri, Datuk Seri Anwar Ibrahim akan menyertai semula UMNO tidak perlu ditimbulkan lagi.

Beliau berkata, ini kerana Datin Seri Dr. Wan Azizah -Ismail, isteri Anwar yang juga Presiden Parti Rakyat Keadilan Nasional telah menjelaskan bahawa suaminya tidak berhasrat menyertai semula UMNO.

"Tak timbul dah (isu membenarkan Anwar menyertai UMNO semula), Datin Seri Wan Azizah dah kata Anwar tak minat, apa lagi saya nak cakap fasal perkara itu," katanya pada sidang akhbar selepas perbahasan hari kedua Perhimpunan Agung UMNO di Pusat Dagangan Dunia Putra (PWTC) hari ini.

Beliau mengulas kenyataan Ketua Pemuda UMNO, Datuk Seri Hishammuddin Tun Hussein yang menegaskan pergerakan itu tidak akan membenarkan Anwar menyertai semula UMNO.

Hishammuddin menyatakan pendirian pergerakan itu semasa menyampaikan ucapan penggulungan pada Perhimpunan Agung Pemuda UMNO, Selasa lalu.

Hari ini sebuah akhbar melaporkan bahawa Wan Azizah mendakwa perwakilannya UMNO membidas suaminya kerana apa yang diperkatakan oleh Anwar selama ini mempunyai kaitan dengan mereka.